



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH FAKTOR SOSIAL DAN TAHAP PENERIMAAN REMAJA
TERHADAP KESAN KEMPEN TAK NAK MEROKOK KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA***

DAING DIANA BINTI MAAROF

FBMK 2012 27



**PENGARUH FAKTOR SOSIAL DAN TAHAP
PENERIMAAN REMAJA TERHADAP KESAN
KEMPEN TAK NAK MEROKOK KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

DAING DIANA BINTI MAAROF

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2012



**PENGARUH FAKTOR SOSIAL DAN TAHAP PENERIMAAN REMAJA
TERHADAP KESAN KEMPEN TAK NAK MEROKOK KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

Oleh

DAING DIANA BINTI MAAROF

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra

Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

Julai 2012

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH FAKTOR SOSIAL DAN TAHAP PENERIMAAN REMAJA
TERHADAP KESAN KEMPEN TAK NAK MEROKOK KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

Oleh

DAING DIANA BINTI MAAROF

Julai 2012

Pengerusi : Mohd Nizam Bin Osman, Phd

Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Tabiat merokok dalam kalangan remaja pada hari ini begitu membimbangkan semua pihak. Malah remaja yang merokok bukan sahaja membabitkan remaja lelaki bahkan kini sudah menular dalam kalangan remaja perempuan di negara ini. Terdapat kempen-kempen anti merokok telah dilaksanakan oleh kerajaan mahupun badan bukan kerajaan bagi membendung masalah ini. Namun kempen ini dikatakan gagal. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor pengaruh sosial yang mempengaruhi remaja merokok, untuk mengetahui tahap penerimaan remaja terhadap kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia, untuk mengetahui kesan-kesan kempen Tak Nak merokok,

untuk mengetahui mengetahui perbezaan antara faktor-faktor pengaruh sosial yang mempengaruhi remaja untuk merokok dengan kesan kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia di antara remaja lelaki dan perempuan, untuk mengetahui hubungan faktor-faktor pengaruh sosial yang mempengaruhi remaja merokok dengan kesan-kesan kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia dan untuk melihat perkaitan antara tahap penerimaan remaja terhadap kempen dengan kesan-kesan kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seramai 382 orang responden yang terdiri daripada remaja lelaki dan perempuan yang berumur 12 hingga 21 tahun yang berada di sekitar Kuala Lumpur telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Data yang telah dikutip dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai), statistik inferensi (ujian-t dan korelasi pearson).

Kajian ini mendapati faktor pengaruh sosial seperti rakan sebaya, keluarga dan diri sendiri mempengaruhi remaja untuk merokok. Kajian ini juga mendapati tahap penerimaan remaja berada di tahap yang sederhana. Selain itu, hasil kajian membuktikan kempen Tak Nak merokok sememangnya memberi kesan terhadap kognitif, sosioekonomi dan kesihatan remaja yang merokok.

Hasil kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya di antara remaja lelaki dan perempuan untuk merokok . Hal ini bermakna pengaruh rakan sebaya di antara remaja lelaki dan perempuan untuk

merokok adalah sama. Namun demikian, terdapat perbezaan yang signifikan faktor peribadi atau diri sendiri remaja lelaki dengan remaja perempuan. Hal ini membuktikan bahawa pengaruh peribadi atau diri sendiri untuk merokok di antara lelaki dan perempuan adalah tidak sama. Hasil kajian ini mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara pengaruh keluarga di antara remaja lelaki dan perempuan untuk mempengaruhi mereka merokok Walaupun jumlah remaja lelaki adalah lebih tinggi daripada remaja perempuan namun tiada perbezaan antara kedua-duanya. Hasil kajian ini juga mendapati antaranya terdapat hubungan yang negatif tetapi signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan kesan kempen terhadap kognitif. Selain itu, hasil kajian juga mendapati antaranya, tahap penerimaan remaja terhadap kempen mempunyai perkaitan secara positif dan signifikan namun lemah dengan kesan kempen Tak nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia dari aspek terhadap kognitif remaja.

Abstract of thesis submitted to Universiti Putra Malaysia Senate in fulfillment for the degree of Master of Science.

**THE INFLUENCE OF SOCIAL FACTORS AND LEVEL OF ACCEPTANCE
YOUTH ON THE EFFECT OF THE NO SMOKING CAMPAIGN BY THE
MALAYSIAN MINISTRY OF HEALTH**

By

DAING DIANA BINTI MAAROF

July 2012

Chair : Mohd Nizam Bin Osman, Phd

Faculty : Faculty of Modern Languages and Communication

Smoking habits among youths today is an area of concern by all parties concerned. Youths who engage in smoking habits are comprised of not only male youths, but even female youths are not taking up smoking habits in Malaysia. Although the local government, along with non-governmental agencies and bodies have carried out and implemented various No Smoking Campaigns, however these campaigns are said to have failed to achieve their implementation

objectives. Due to this reason, this study is therefore carried out to find out what are the social influencing factors which influence youths to take up the smoking habits; to find out the level of acceptance among youths on the No Smoking Campaigns by the Ministry of Health Malaysia; to find out the effect of the No Smoking Campaign on youths, to find out the difference between the social influence factors which influence youths to smoke and the effects of the No Smoking Campaign by the Ministry of Health Malaysia between male youths and female youths; to find out the relationship between social influencing factors which influence youths to smoke and the effects of the No Smoking Campaigns by the Ministry of Health Malaysia; to find out the relationship between the level of acceptance among youths on the No Smoking Campaigns and the effects of the No Smoking Campaigns carried out by the Ministry of Health Malaysia.

A total of 382 respondents, comprising of male and female youths aged between 12 and 21 years of age across the Kuala Lumpur area have been selected to participate in this study. The quantitative approach method through the use of the survey forms has been made as the main instrument of the study. The data generated from the survey forms were analyzed using the descriptive statistics approach (frequency, percentage, mean score and standard deviation), inferential statistics (t-test and Pearson correlation test).

The findings of the study have shown that social influencing factors such as friends (peers), family and one's self have been identified as one of the influencing factors which influence youths to smoke. The findings of the study

have also revealed that the level of acceptance among youths is at the medium level. Apart from that, the findings of the study have also shown that the No Smoking Campaign have contributed significantly towards the cognitive, socioeconomy and the health among youths who smoke.

The findings of the study have also shown that there are no significant difference between peers social influence among male and female youths to take up the smoking habits. However, there is a significant difference with regards to the personal factors (or the self) among male and female youths. This clearly shows that personal influence or the self which influence the youths to smoke is different among the genders.

The findings of the study also revealed that there is no significant difference between family influence among male and female youths to take up the smoking habits. Although the number of male youths is much higher as compared to female youths, however there is no difference between them. The findings of the study has also shown negative significant relationships between social peers influence and the effects of the campaign on the cognitive. Apart from that, the findings of the study has also shown that the level of acceptance among youths on the campaign have a weak positive significant relationship on the effect of the No Smoking Campaign carried out by the Ministry of Health Malaysia on youths cognitives.

PENGHARGAAN

Seawal bicara ini, saya panjatkan kesyukuran kepada-Nya kerana dengan limpah kurnia-Nya dan izin daripada-Nya dapatlah saya menyiapkan tesis Master Sains bagi memenuhi syarat untuk memperolehi Master Sains Komunikasi Kemanusiaan di Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Sejuta penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr.Mohd Nizam Osman selaku pengerusi penyeliaan tesis saya yang banyak membantu, membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam proses menyiapkan tesis saya ini. Tidak lupa juga setinggi penghargaan saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Siti Zobidah Omar selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya dan Prof Madya.Dr Jusang Bolong dalam bahagian statistik. Tanpa bantuan kalian bertiga, tesis ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Sekalung ucapan terima kasih kepada semua ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi berkongsi maklumat dan buah fikiran dalam menyiapkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada (17 Julai 2012) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Daing Diana Binti Maarof untuk menilai tesis Master Sains Komunikasi kemanusiaan beliau yang bertajuk “Pengaruh Faktor Sosial Dan Tahap Penerimaan Remaja Terhadap Kesan Kempen Tak Nak Merokok Kementerian Kesihatan Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zulhamri Bin Abdullah, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jusang Bin Bolong, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Megat Al Imran Bin Yasin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammed Zin Bin Nordin, Phd

Profesor
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
(Pemeriksa Luar)

SEOW HENG FONG, Phd

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Nizam Bin Osman, Phd

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Zobidah Binti Omar,Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Saya memperaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



DAING DIANA BINTI MAAROF

Tarikh : 17 Julai 2012

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI GAMBAR RAJAH	xvii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang kajian	1
1.2 Sejarah Kempen di Malaysia	8
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Persoalan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Skop Kajian	18
1.8 Takrifan Konsep	19
1.8.1 Faktor-Faktor Pengaruh Sosial	19
1.8.2 Penerimaan	19
1.8.3 Kesan Kempen	20
1.8.4 Remaja	20
1.9 Kesimpulan	21
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Kajian-kajian Lepas	22
2.2.1 Faktor-Faktor Pengaruh Sosial Yang Mempengaruhi Tahap Penerimaan Remaja Terhadap Kempen Tak Nak Merokok	24
2.2.2 Kesan-Kesan Anti Merokok Terhadap Remaja	29
2.3 Teori Berkaitan	31
2.3.1 Perkaitan Teori Terhadap Fokus Kajian	33
2.4 Kerangka Konseptual	35
2.5 Hipotesis Kajian	35
2.6 Kesimpulan	37

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Lokasi Kajian	39
3.4	Populasi dan Persampelan	40
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Reka Bentuk Instrumen Kajian	48
3.7	Pengukuran Pembolehubah Dan Pra Uji	50
3.8	Kaedah Mengumpul Data	51
3.8.1	Pembinaan Soal Selidik	51
3.8.2	Proses Pengumpulan Data	51
3.9	Analisis Data	52
3.10	Kesimpulan	55
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	56
4.2.	Demografi Responden	56
4.2.1	Jantina Responden	56
4.2.2	Umur Responden	58
4.2.3	Bangsa Responden	59
4.2.4	Tahap Pendidikan Tertinggi Responden	60
4.2.5	Kawasan Tempat Tinggal Responden	60
4.2.6	Jumlah Pendapatan Keluarga Responden	61
4.2.7	Sumber Maklumat Responden	61
	Mendapatkan Maklumat Mengenai Kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia	
4.3	Tabiat Merokok Di Kalangan Remaja	63
4.3.1	Individu Yang Mempengaruhi Untuk Merokok	64
4.3.2	Tempoh Masa Merokok Telah Merokok	66
4.3.3	Usia Merokok Untuk Mula Merokok	66
4.3.4	Jumlah Batang Rokok Yang Dihisap Oleh Remaja	68
4.3.5	Ketagihan Untuk Merokok Di Kalangan Remaja	68
4.3.6	Individu Merokok Dalam Keluarga	70
4.3.7	Peruntukan Membeli Rokok	71
4.3.8	Keluarga Atau Penjaga Mengetahui Remaja Merokok	72
4.3.9	Remaja Pernah Berhasrat Berhenti Merokok	73

4.3.10 Pendorong utama remaja menghisap rokok	73
4.4 Faktor-Faktor Sosial Mendorong Remaja Merokok	74
4.5 Tahap Penerimaan Remaja Terhadap Kempen Tak Nak Merokok	77
4.6 Kesan-Kesan Kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia Terhadap Remaja	81
4.7 Perbezaan Faktor-faktor Pengaruh Sosial Yang Mempengaruhi Remaja Merokok Di Antara Remaja Lelaki Dan Perempuan	85
4.8 Hubungan Faktor-Faktor Pengaruh Sosial Yang Mempengaruhi Remaja Merokok Dengan Kesan-Kesan Kempen Tak Nak Merokok	89
4.9 Terdapat Perkaitan Antara Tahap Penerimaan Remaja Terhadap Kempen Dengan Kesan-Kesan Kempen Tak Nak merokok Kementerian Kesihatan Malaysia	97
4.10 Kesimpulan	97
5 KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	100
5.2 Ringkasan Kajian	101
5.3 Cadangan-Cadangan Untuk Kajian Pada Masa Hadapan	109
5.4 Kesimpulan	111
RUJUKAN	113
LAMPIRAN	122
BIODATA PELAJAR	134